

26 AUG 1998

Umno-Mahathir

SOKONGAN PADU BAGI DR MAHATHIR TERUS TERAJUI UMNO

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerima sokongan padu dari negeri-negeri bagi membolehkan beliau kekal memegang jawatan presiden UMNO pada pemilihan parti tahun depan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata setakat ini hampir semua negeri telah memberi perakuan untuk mencalonkan Dr Mahathir pada pemilihan akan datang.

"Setakat ini tidak ada calon lain...kalau tak ada calon lain tentulah beliau akan menang tanpa bertanding," katanya kepada pemberita selepas melancarkan jenama "Malaysia OK" sempena promosi Belilah Barangan Buatan Malaysia anjuran Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS).

Bagaimanapun, kata Sabbaruddin berkata, pengakuan yang dibuat bukan merupakan pencalonan sebenar kerana proses pencalonan hanya akan dibuka sebelum pemilihan nanti.

Mengenai undi bonus, beliau berkata jawatankuasa pindaan perlembagaan parti yang dipengeruskannya sedang menyiapkan cadangan untuk penghapusan 10 undi bonus bagi setiap pencalonan yang diterima untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

"Kita akan membawanya ke mesyuarat MT (Majlis Tertinggi) sebelum dibawa ke perhimpunan agung khas," katanya.

Beliau berkata cadangan itu juga akan merangkumi beberapa perkara lain termasuk menurunkan had umur keanggotaan parti daripada 18 tahun kepada 16 tahun.

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang bahawa parti pembangkang itu akan menyekat Barisan Nasional daripada menguasai dua pertiga dari kerusi Parlimen pada pilihan raya akan datang, Sabbaruddin berkata ia tidak mungkin berlaku kerana rakyat sedar bahawa kerajaan mempunyai masalah besar yang perlu diselesaikan.

"Saya percaya rakyat tidak akan terpengaruh dengan dakwah Kit Siang...mereka juga tidak boleh biarkan parti-parti politik menggunakan isu ini untuk kepentingan masing-masing," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Sabbaruddin berkata usaha PLUS mengadakan kempen mempromosikan barangan Malaysia bertepatan dengan hasrat kerajaan menggalakkan penggunaan barangan buatan tempatan.

Kempen sehingga hujung tahun ini itu akan mempromosikan produk Malaysia seperti buah-buahan tempatan, barangan kraftangan dan makanan di sepanjang kawasan rehat Lebuhraya Utara Selatan.

-- BERNAMA

HJ MAI